



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG
MELALUI PROSES JAWATANKUASA KHAS
PENILAIAN PERKHIDMATAN PROFESIONAL KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN**

PERATURAN 7(a)

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN
PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DENGAN PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PEGAWAI JURURAWAT (M.13-14 EB.15 / M.11)
JABATAN PERKHIDMATAN KEJURURAWATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


**TARIKH IKLAN: 08 MAC 2025
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 22 MAC 2025
BILANGAN IKLAN: 2025/FEB/01/KKS**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila rujuk kepada Kementerian/Jabatan yang mengendalikan proses pengambilan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat KELAYAKAN MINIMUM akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



PEGAWAI JURURAWAT
JABATAN PERKHIDMATAN KEJURURAWATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.13-14 EB.15 (\$2,300 - \$4,220 EB KHAS \$4,330 - \$4,770 SEBULAN)
M.11 (\$1,920 - \$3,250 EB KHAS \$3,345 - \$3,725)
KEKOSONGAN = DUA PULUH DUA (22)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **BAGI TANGGA GAJI M.13-14 EB.15**

- i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Accident and Emergency Nursing / Adult Nursing / Cardiac Nursing / Community Dental Health / Community Health Nursing / Gynaecology and Obstetrics / Health and Rehabilitation / Health Management / Health Promotion / Intensive Care Nursing / Medical and Surgical Nursing / Medical Oncology and Hematology / Midwifery / Nephrology / Nursing / Nursing Education / Operating Theatre Nursing / Paediatric Nursing / Paramedic / Psychiatry / Public Health* atau sebanding dan bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang kejururawatan atau sebanding dan bersesuaian adalah kelebihan.

- ii) Telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Kerajaan sebagai Jururawat atau jawatan-jawatan sebanding dan bersesuaian dalam tangga gaji M.7 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- iii) Berpengalaman bertugas sekurang-kurangnya 5 tahun (bukan dalam Perkhidmatan Awam) sebagai Jururawat atau jawatan-jawatan sebanding sama ada di dalam negeri atau di luar negeri yang diiktiraf oleh Kerajaan.



b) **BAGI TANGGA GAJI M.11**

- i) *Advanced Diploma dalam bidang Accident and Emergency Nursing / Adult Nursing / Cardiac Nursing / Community Dental Health / Community Health Nursing / Gynaecology and Obstetrics / Health and Rehabilitation / Health Management / Health Promotion / Intensive Care Nursing / Medical and Surgical Nursing / Medical Oncology and Hematology / Midwifery / Nephrology / Nursing / Nursing Education / Operating Theatre Nursing / Paediatric Nursing / Paramedic / Psychiatry / Public Health* atau sebanding dan bersesuaian **DAN** telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Kerajaan sebagai Jururawat Tingkat Khas atau jawatan-jawatan sebanding dan bersesuaian dalam tangga gaji M.9 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- ii) *Diploma dalam bidang Accident and Emergency Nursing / Adult Nursing / Cardiac Nursing / Community Dental Health / Community Health Nursing / Gynaecology and Obstetrics / Health and Rehabilitation / Health Management / Health Promotion / Intensive Care Nursing / Medical and Surgical Nursing / Medical Oncology and Hematology / Midwifery / Nephrology / Nursing / Nursing Education / Operating Theatre Nursing / Paediatric Nursing / Paramedic / Psychiatry / Public Health* atau sebanding dan bersesuaian **DAN** telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Kerajaan sebagai Jururawat Tingkat Khas atau jawatan-jawatan sebanding dan bersesuaian dalam tangga gaji M.9 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Lulus Peperiksaan Kenaikan Pangkat (jika ada).
3. Memenuhi syarat-syarat kelayakan pendaftaran dengan Lembaga Jururawat bagi Brunei (*Nursing Board for Brunei*) atau mana-mana Lembaga yang berkenaan dan diiktiraf oleh Kerajaan.

KURSUS / LATIHAN:

1. Ditawarkan untuk mengikuti program kursus dan penempatan klinikal dalam bidang Kejururawatan atau Perbidanan atau yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Mengikuti kursus dan latihan yang dirancang oleh Jabatan mengikut keperluan dari semasa ke semasa.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membuat penilaian prestasi bagi jururawat di bawah pengawasan di Bahagian tempat bertugas;
2. Bertanggungjawab kepada pegawai yang kanan dalam melaksanakan pengurusan di Bahagian tempat bertugas dengan teratur dan cekap;
3. Memastikan dasar-dasar kejururawatan serta amalan perawatan dijalankan dengan teratur, selamat dan sistematik;
4. Bekerjasama dengan pihak-pihak yang tertentu dalam pemeliharaan dan kebersihan di Bahagian tempat bertugas;
5. Melibatkan diri dalam perkembangan Pendidikan Kejururawatan dan menjadi fasilitator dalam pembelajaran lanjutan kejururawatan dan bersedia untuk menjadi penceramah;
6. Memastikan penyimpanan dan pemeliharaan peralatan, alat perkakas, ubat-ubatan dan perbekalan-perbekalan lain sentiasa cukup, berfungsi dan dalam keadaan baik;
7. Membuat pemantauan dan kawalan kualiti bagi memastikan keberkesanan amalan perawatan dan keselamatan pesakit;
8. Berhubung rapat dan bekerjasama dengan Pegawai Perubatan, pegawai-pegawai / kakitangan di Bahagian-Bahagian lain di Kementerian Kesihatan bagi kesejahteraan pesakit / *client*;
9. Berbincang dan merancang bersama pegawai yang kanan mengenai perkembangan kerjaya kerja para Jururawat di tempat bertugas;
10. Memantau perancangan perawatan pesakit / *client* mengikut pelan tindakan jagaan perawatan;
11. Melaksanakan pemeliharaan dan kebersihan di persekitaran tempat bertugas supaya dalam keadaan selamat dan terkawal; dan
12. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.



**Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada
Urus Setia Bahagian Pengurusan Sumber Tenaga Manusia,
Jabatan Pentadbiran, Kementerian Kesihatan seperti berikut:**

**Alamat : BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER TENAGA MANUSIA,
JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN,
KEMENTERIAN KESIHATAN,
JALAN MENTERI BESAR,
BANDAR SERI BEGAWAN, BE3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Emel : recruitment.ahp@moh.gov.bn

No.Tel : 2383020